

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS]

SOALAN

TUAN DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah persediaan dan strategi Kementerian untuk memastikan fasiliti di hospital dan bilangan frontliners yang mencukupi bagi memutuskan rantai jangkitan COVID-19, gelombang ketiga atau 3rd wave ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sememangnya telah bersedia untuk menghadapi gelombang seterusnya dari segi kelengkapan logistik, tenaga kerja, set kelengkapan pelindung diri, alat bantuan pernafasan dan katil untuk pesakit di hospital.

2. Bilangan hospital kerajaan yang memberi rawatan COVID-19 bertambah dari 26 ke 44 buah hospital. Bilangan katil bagi semua hospital memang mencukupi. Hospital-hospital ini menyumbang sebanyak 3678 katil khas untuk pesakit COVID-19. Selain itu, Institut Latihan KKM boleh digunakan sebagai pusat rawatan COVID-19 berisiko rendah bagi menambahkan bilangan katil. Pusat kuarantin dan rawatan berisiko rendah ini telah diaktifkan di semua negeri dengan jumlah katil sebanyak 8458 buah, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 12,136 buah katil.

3. Di Sabah, Hospital Medan Tawau kini telah memulakan operasi pada 20 Oktober 2020. Terletak di dalam Dewan Kompleks Sukan Tawau, 5.8km dari Hospital Tawau, hospital ini disediakan untuk rawatan pesakit bukan COVID-19 yang merangkumi perkhidmatan perubatan am, pembedahan am, obstetrik & ginekologi, ortopedik dan perubatan kanak-kanak dari Hospital Tawau. Dengan inisiatif ini, Hospital Tawau boleh memberi tumpuan kepada rawatan pesakit COVID-19 yang memerlukan penjagaan rapi (kategori 3 -5). Sebagai permulaan, hospital ini mempunyai kapasiti 100 katil dan dilengkapi dengan unit rawatan rapi dan dewan pembedahan.

4. KKM juga dengan kerjasama Angkatan Tentera Malaysia mewujudkan "*makeshift hospital*" di dalam fasiliti Penjara Pokok Sena Kedah. Bangunan sedia ada di dalam kawasan penjara tersebut sedang ditukar fungsi (*makeshift*) menjadi fasiliti kesihatan sementara bagi merawat pesakit COVID19 termasuk yang memerlukan bantuan oksigen. Fasiliti tersebut boleh menempatkan sehingga 230 orang. Fasiliti ini juga boleh menempatkan pesakit dari Penjara Alor Setar yang memerlukan bantuan oksigen jika perlu.

Sekian, terima kasih